PELAN STRATEGIK 2021 - 2025

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

LAPORAN PENCAPAIAN TAHUN 2023

1.0 Pelan Strategik MAIK 2021 - 2025

2.0 Tahap Pengukuran Pencapaian



Rajah 1.1 Pengukuran Pencapaian Mengikut Kod Warna

Rajah 1.1 menunjukkan pengukuran bagi pencapaian setiap indikator diukur menggunakan kaedah kod warna unggu, hijau, biru, dan merah. Warna unggu dalam carta pai menunjukkan tahap pencapaian indikator adalah 110% dan ke atas. Ini merujuk kepada pencapaian cemerlang apabila jumlah pencapaian yang telah diperolehi melebihi 10% daripada sasaran yang ditetapkan bagi tahun semasa. Warna hijau pula dalam carta pai merujuk kepada tahap pencapaian indikator adalah 101%-109%. Pada tahap ini pencapaian yang diperolehi adalah melepasi sasaran dan tercapai bagi setiap indikator. Warna biru dalam carta pai pula merujuk kepada tahap pencapaian yang mencapai sasaran iaitu 100%. Ini menunjukkan indikator telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan pada tahun semasa. Warna merah dalam carta pai pula merujuk kepada peratusan 99% ke bawah. Ini menunjukkan proses gerak kerja telah dilakukan namun belum siap dilaksanakan sepenuhnya.

3.0 Pencapaian Pelan Strategik

3.1 Teras 1 - Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus Pengurusan

i. Strategik 1 – Mempertingkatkan Amalan Tadbir Urus Dan Budaya Kerja Yang Baik

Jadual 3.1 menerangkan terdapat 1 indikator yang cemerlang, 1 indikator yang mencapai sasaran, dan terdapat 1 indikator dalam strategik ini yang tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2023.

Jadual 3.1: Mempertingkatkan Amalan Tadbir Urus Dan Budaya Kerja Yang Baik

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2023			
1.2 Mengemas kini Standard Operating Procedure (SOP)	1.2.1 Bilangan SOP Diwujudkan	8	8	1. Prosedur Pengurusan Fidyah Dan Kaffarah (TABK). 2. Prosedur Pendaftaran Tanah Wakaf. 3. Prosedur Pengurusan Laman Web 4. Prosedur Pengurusan Aduan Kerosakan Bangunan 5. Prosedur Pendaftaran Kelas Bulanan 6. Prosedur Pendaftaran Kelas Mingguan 7. Prosedur Pengurusan Komputer (Sewaan) 8. Prosedur Pengurusan Pembayaran (Kewangan)	**Mencapai Sasaran**
	1.2.2 Bilangan Semakan Semula SOP	6	1	1.Prosedur Pengurusan Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Kedah	**Tidak Mencapai Sasaran**

1.3 Meningkatkan kompentensi Modal Insan	1.3.1 Bilangan aktiviti/ program/ kursus	4	8	1. Kursus Pengurusan Kerja Efektif (17 April 2023, Jerai Hotel Alor Setar) 2. Kursus Pembinaan Pasukan Ke Arah Peningkatan Prestasi Organisasi Siri 1 (19-20 Jun 2023, Hotel Seri Malaysia). 3. Kursus Induksi Khusus Untuk Kakitangan Baharu pada (6-7 Ogos 2023) 4. Seminar Kenali Emas (3 Oktober 2023) 5. Bengkel Pengurusan Kewangan 2023 SPMB : Tatacara Pengurusan Kewangan & Perakaunan – Penyediaan, Semakan Dan Pelarasan. 6. Bengkel Penjanaan Dana-Dana Baharu Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) 2023 3-5 September 2023 7. Bengkel e-Tempahan dan e-Perjanjian. 8. Bengkel Migrasi Fail Fungsian 21-23 Disember 2023	**Cemerlang**

ii. Strategik 2 – Memastikan Kepatuhan Dan Kelestarian Pengurusan Kewangan

Jadual 3.2 mendapati bahawa terdapat satu indikator yang cemerlang iaitu Peratus Penjimatan Kos Pengurusan Dan Pentadbiran. Baki tiga lagi indikator yang tidak mencapai sasaran ialah Peratus Permatuhan Fasa 3 Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal Zakat dan Wakaf (PPIBZW), Peratus Peningkatan Perolehan dalam Pelaburan dan Bilangan Teguran Audit terhadap Penyata Kewangan Tahunan .

Jadual 3.2 : Memastikan Kepatuhan dan Kelestarian Pengurusan Kewangan

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2023			
1.1 Melaksanakan Penjimatan Kos pengurusan dan pentadbiran	1.1.1 Peratus penjimatan	20%	20%	1. Baki bagi perbelanjaan barang keperluan pejabat adalah RM65,476.45 bersamaan 40.07% dari anggaran perbelanjaan yang disediakan. 2. Baki perbelanjaan bagi utiliti adalah RM29,524.03 bersamaan 12.73% dari anggaran sebenar. **Peratus penjimatan sebanyak 26.40% dari anggaran perbelanjaan bagi perbelanjaan 2023**	**Cemerlang**
1.2 Menerima pakai Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal Zakat dan Wakaf (PPIBZW)	1.2.1 Peratus pematuhan	Fasa 3	0%	Fasa 3 akan digunapakai bagi penyata kewangan 2023 digunapakai bagi pengasingan hasil, belanja dan liabiliti mengikut PPIBZW - Akan digunapakai pada Mac 2024	**Tidak Mencapai Sasaran**
1.3 Memastikan peningkatan perolehan dalam pelaburan	1.3.1 Peratus peningkatan	6%	-8%	Hanya 98% sahaja jumlah hibah yang diterima dari anggaran hasil yang dijangkakan. Ini kerana penurunan kadar faedah simpanan tetap dan jumlah pelaburan yang semakin berkurang disebabkan pencairan simpanan tetap	**Tidak Mencapai Sasaran**
1.4 Memastikan sifar teguran audit terhadap penyata kewangan tahunan	1.4.1 Bilangan teguran daripada Jabatan Audit Negara	3	12	6 isu Penyata Kewangan dan 6 isu Pengurusan	**Tidak Mencapai Sasaran**

iii. Strategik 3 – Memartabatkan Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Pusba) Sebagai Institusi Pendidikan Saudara Baru Yang Ulung

Jadual 3.3 mendapati terdapat dua indikator yang cemerlang iaitu Peratus Pelajar Lulus dan Bilangan Program – Taklimat. Dua indicator lagi mencapai sasaran iaitu Bilangan Program – Promosi seperti yang telah ditetapkan bagi tahun 2023.

Jadual 3.3 : Memartabatkan Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Pusba) Sebagai Institusi Pendidikan Saudara Baru Yang Ulung

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2023			
1.2 Memastikan peningkatan prestasi kefahaman pelajar	1.2.1 Peratus pelajar lulus	70%	83.54%	Penilaian akan diadakan melalui peperiksaan akhir tahun bulan November dan Disember 2023	**Cemerlang**
1.3 Memperkenalkan PUSBA kepada masyarakat	1.3.1 Bilangan program - Taklimat	6	7	1. Taklimat program pengajian di PUSBA kepada peserta program Seminar Tabung Wakaf dan Perkhidmatan Majlis Agama Islam negeri Kedah tahun 2023 bagi daerah Kota Setar pada 27 Julai 2023 di Masjid Al-Hasanah, Ampang Jajar, Alor Setar 2. Taklimat program pengajian di PUSBA sempena lawatan ke Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 28 Ogos 2023 3. Taklimat program pengajian di PUSBA kepada peserta program Seminar Tabung Wakaf dan Perkhidmatan Majlis Agama Islam negeri Kedah tahun 2023 bagi daerah Kubang Pasu pada 7 September 2023 di Masjid As-Shahab, Kepala Batas 4. Taklimat program pengajian di PUSBA kepada peserta program Seminar Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) dan Perkhidmatan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Peringkat Daerah Baling Bagi Tahun 2023 pada 25 Oktober 2023 di Dewan Kompleks Rakan Muda Baling 5. Taklimat program pengajian di PUSBA sempena lawatan dari PERKIM Bahagian Negeri Terengganu ke PUSBA pada 21 November 2023 6. Taklimat program pengajian di PUSBA kepada peserta program Seminar Tabung Wakaf dan Perkhidmatan Majlis Agama Islam negeri Kedah tahun 2023 Peringkat Daerah Langkawi pada 29 November 2023 di De Baron Resort, Langkawi 7. Taklimat program pengajian di PUSBA sempena lawatan dari Jabatan Mufti Negeri Sembilan pada 7 Disember 2023	**Cemerlang**

	1.3.2 Bilangan program - Promosi	5	5	1. Promosi tawaran pengajian di Laman web MAIK dan Facebook PUSBA 2. Mengedarkan pamphlet dan Bubur Asyura kepada agensi-agensi yang berada berdekatan PUSBA seperti Pejabat Agama Daerah Kuala Muda, Pejabat Zakat Daerah Kuala Muda, Kem 6 Bridged, Mahkamah Syariah Kuala Muda, Perkim Cawangan Daerah Kuala Muda, SPRM Kuala Muda, JPAM Kuala Muda dan Klinik Pergigian Daerah Kuala Muda pada 23 Julai 2023 3. Mengedarkan pamplet pada program Seminar Tabung Wakaf dan Perkhidmatan Majlis Agama Islam negeri Kedah tahun 2023 bagi daerah Kota Setar, Kubang Pasu, Baling dan Langkawi 4. Penerangan tentang PUSBA, promosi melalui tik tok, serta Penyertaan 30 pelajar dan staff PUSBA dalam Perarakan dan Perhimpunan Sempena Program Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Kuala Muda di Masjid Sultan Mudzaffar Shah pada 7 Oktober 2023 5. Menghantar surat dan iklan sesi pengajian bulanan dan mingguan tahun 2024 kepada Pejabat Agama daerah negeri Kedah	**Mencapai Sasaran**
	1.3.3 Bilangan program - Kolaborasi	6	6	1. Kolaborasi dengan Pusat Tarbiah dan Pengajian Islam Darul Hikmah Kuala Nerang – Kursus Pengurusan Jenazah pada 22 Jun 2023 di PUSBA 2. Kolaborasi dengan Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuala Muda – Penyertaan 20 pelajar PUSBA, ucapan penutup dan taklimat PUSBA dalam Program Minggu Promosi Kesihatan Pergigian dengan bertemakan "Mulut Sihat Pilihan Saya" pada 6 Julai 2023. 3. Kolaborasi dengan Bank Islam Malaysia Berhad Cawangan Sungai Petani bagi memberi taklimat dan pembukaan akaun pelajar pada 19 September 2023 di PUSBA 4. Kolaborasi dengan Pejabat Agama Daerah Kuala Muda - Program Santuni Muallaf “Islam Agamaku” Peringkat Daerah Kuala Muda Siri 1/2023 di Masjid Andalusia, Kariah Laguna Merbok pada 8 Oktober 2023 5. Kolaborasi dengan uniSHAMS untuk pembangunan sistem pengkalan data pelajar PUSBA 6. Kolaborasi dengan Pertubuhan Kebajikan Mualaf daerah Baling dalam Bengkel Amali Sembelihan di Surau 4P Desa KEDA Ulu Legong pada 9 Disember 2023	**Mencapai Sasaran**

Carta menunjukkan peratus pencapaian bagi teras pertama iaitu mempertingkatkan kualiti tadbir urus pengurusan di MAIK. Pengukuran adalah berdasarkan kepada 11 indikator dalam teras ini. Rumusan daripada hasil kajian menjelaskan 36% iaitu 3 indikator menunjukkan prestasi yang cemerlang. Selain itu, 27% iaitu 3 indikator menunjukkan prestasi yang mencapai. Walaubagaimanapun 4 indikator iaitu 36% tidak mencapai sasaran.

Formula Pengiraan Carta : [Tahap Pencapaian Indikator/ jumlah indikator] x 100%



Rajah 3.1 Carta Bagi Teras 1 Iaitu Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus Pengurusan

3.2 Teras 2 – Memantapkan Peranan Baitulmal Sebagai Institusi Penggerak Ekonomi Dan Sosial Umat Islam

i. Strategik 1 – Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Hartanah Baitulmal

Jadual 3.4 mendapati terdapat satu indikator yang tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi Tahun 2023 iaitu Jumlah Pembelian Balik Hartanah.

Jadual 3.4 : Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Hartanah Baitulmal

Inisiatif	Indikator	Sasaran 2023	Pencapaian 2023	Penjelasan	Tahap Pencapaian
1.2 Memantapkan pengurusan jual beli hartanah	1.2.1 Jumlah pembelian balik hartanah	100	50	Pembelian tanah Baitulmal adalah berdasarkan permohonan yang diterima daripada pembeli mengikut kes harta pusaka dan mengikut kemampuan pemohon untuk membeli tanah bahagaian Baitulmal. Pada tahun 2023 sebanyak Pihak Baitulmal telah menerima hasil Faraid melalui penjualan tanah sehingga suku tahun keempat ialah sebanyak RM1,377,512.19	**Tidak Mencapai Sasaran**

ii. Strategik 2 – Memantapkan Peranan Baitulmal Dalam Menyalurkan Bantuan Kepada Golongan Bersasar

Jadual 3.5 mendapati 2 indikator yang cemerlang, 3 indikator yang mencapai sasaran, dan 1 indikator yang tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2023.

Jadual 3.5 : Memantapkan Peranan Baitulmal Dalam Menyalurkan Bantuan Kepada Golongan Bersasar

Inisiatif	Indikator	Sasaran 2023	Pencapaian 2023	Penjelasan	Tahap Pencapaian
1.1 Memperkasakan bantuan Baitulmal	1.1.1 Bilangan khemah niaga	80	95	Diagihkan kepada MBAS sebanyak 10 unit dan 85 unit kepada orang awam di peringkat daerah	**Cemerlang**
	1.1.2 Bilangan Motosikal	7	7	7 unit telah diagihkan kepada penerima yang terdiri daripada OKU, Peniaga miskin dan Orang yang kurang berkemampuan.	**Mencapai Sasaran**

	1.1.3 Bilangan kiosk	8	8	Sebanyak 8 Unit Telah diagihkan kepada orang awam	**Mencapai Sasaran**
	1.1.4 Nilai kaedah bantuan kepada gelandangan	RM60,000.00	RM30,000.00	Telah diagihkan kepada gelandangan melalui Kindness Malaysia. Bantuan yang diagihkan berupa makanan dan keperluan asas alat-alat pembersihan diri	**Tidak Mencapai Sasaran**
	1.1.5 Peratus Sekolah Agama Rakyat (SAR) - bantuan makanan	60%	84%	Agihan telah selesai untuk tahun 2023 yang melibatkan 780 orang pelajar daripada 31 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat dengan kos RM617,760.00 (31/37)	**Cemerlang**
1.2 Berinovasi dalam memberi bantuan	1.2.1 Bilangan kaedah bantuan	3	3	1) Sumbangan peralatan untuk perniagaan (Mesin Tempurung Kelapa, Mesin Rumput) 2) Bantuan Peralatan Khas OKU (Kasut Khas Bayi, Gigi Palsu , Alat Peralatan Pendengaran 3) Bantuan cermin mata untuk golongan B40	**Mencapai Sasaran**

iii. Strategik 3 – Meningkatkan Pendapatan Bagi Melaksanakan Projek Pembangunan Ekonomi Sosial.

Hasil kajian merujuk Jadual 3.6 mendapati tiga indikator yang cemerlang iaitu Jumlah Penjanaan Pendapatan, Jumlah kutipan skim TABK – Fidyah dan Kafarah serta – Wang atau harta yang tidak patuh Syariah. Manakala lagi satu indikator tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2023 iaitu Jumlah kutipan skim TABK – Infak Fisabilillah.

Jadual 3.6 : Meningkatkan Pendapatan Bagi Melaksanakan Projek Pembangunan Ekonomi Sosial.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2023			
1.1 Meningkatkan penjanaan pendapatan	1.1.1 Jumlah penjanaan pendapatan (hasil Baitulmal)	RM2.3 Juta	RM3,086,430.9	Sasaran telah tercapai dan cemerlang	**Cemerlang**
	1.1.2 Jumlah kutipan skim TABK - Fidyah dan Kafarah	RM2.5 Juta	RM4,210,211.80	Sasaran telah tercapai dan cemerlang	**Cemerlang**
	1.1.3 Jumlah kutipan skim TABK - Wang atau Harta yang tidak patuh syariah	RM200 Ribu	RM433,757.00	Sasaran telah tercapai dan cemerlang	**Cemerlang**
	1.1.4 Jumlah kutipan skim TABK - Infak Fisabilillah	RM130 Ribu	RM29,736.50	Kurang mendapat sambutan daripada masyarakat.	**Tidak Mencapai Sasaran**

Strategik 4 – Mewujudkan Pengurusan Hibah Dan Wasiat Yang Efisen

Hasil kajian merujuk Jadual 3.7 mendapati terdapat 1 indikator yang cemerlang, 2 indikator yang mencapai sasaran dan 3 indikator yang tidak mencapai sasaran iaitu bilangan kaedah hebahan dan promosi, bilangan permohonan hibah dan bilangan permohonan wasiat.

Jadul 3.7 : Mewaujudkan Pengurusan Hibah Dan Wasiat Yang Efisen

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2023			
1.1 Mewujudkan perkhidmatan hibah dan wasiat	1.1.1 Peratus penyediaan prasarana Unit Hibah dan Wasiat	60%	-	Pihak pentadbiran Baitulmal dan Pegawai Undang-undang MAIK dalam tindakan menyediakan draf Enakmen Wasiat dan Hibah	**Tidak Mencapai Sasaran**
	1.1.2 Bilangan kaedah hebahan dan promosi	4	-	KIV sehingga Enakmen diluluskan (tindakan untuk kajian semula)	**Tidak Mencapai Sasaran**
	1.1.3 Bilangan permohonan hibah	10	-		**Tidak Mencapai Sasaran**
	1.1.4 Bilangan permohonan wasiat	10	-		**Tidak Mencapai Sasaran**
1.2 Memantapkan kutipan Skim TABK	1.2.1 Bilangan program TABK	4	5	1. Majlis Agihan Fidyah 1444H di Masjid Haji Ismail, Kariah Pulau Maharaja, Jitra (13 Mac 2023). 2. Penyerahan Komputer Riba Sumbangan Baitulmal kepada Pusat SPI KAFA Negeri Kedah (14 Mac 2023). 3. Kutipan Tabung Jumaat untuk Skim Dana Wakaf Tunai MAIK (21 April 2023). 4. Projek Infak Mini SPBT KAFA. 5. Majlis Hi-Tea Baitulmal 2023 Bersama Rakan Strategik dan Media (20 September 2023).	**Cemerlang**

	1.2.2 Bilangan kaedah penerimaan bayaran TABK	5	4	1. Potongan gaji kakitangan awam persekutuan untuk wakaf tunai melalui Yayasan Waqaf Malaysia (136 orang) 2.Toyyib Pay Skim Infak Fisabilillah dan Skim Wang dan Harta Tak Patuh Syariah 3. Sumbangan wakaf tunai melalui manfaat takaful 4. Terminal bayaran debit/kredit Bank Rakyat (mula digunakan di MAIK pada 12 Mac 2023.	**Tidak Mencapai Sasaran**

Carta menunjukkan peratus pencapaian bagi teras kedua dalam memantapkan peranan Baitulmal sebagai institusi penggerak ekonomi dan sosial umat islam di MAIK. Terdapat 17 indikator dalam teras ini. Rumusan daripada hasil kajian menjelaskan bahawa 6 indikator iaitu 35% menunjukkan prestasi yang cemerlang. Di samping itu 3 indikator iaitu 18% telah mencapai sasaran bagi tahun 2023. Walau bagaimanapun 8 indikator iaitu 47% tidak mencapai sasaran.

Formula Pengiraan Carta: [Tahap Pencapaian Indikator/ jumlah indikator] x 100%



Rajah 3.2 Carta Bagi Teras 2 Iaitu Memantapkan peranan Baitulmal Sebagai Institusi Penggerak Sosial Dan Ekonomi Umat Islam

4.3 Teras 3 – Memperkasakan Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Ekonomi Sosial Umat Islam

i. Strategik 1 – Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Hartanah Wakaf

Hasil kajian merujuk Jadual 3.8 mendapati satu indikator yang terdapat dalam Teras 3 Strategik 1 ini mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi Tahun 2023.

Jadual 3.8 : Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Hartanah Wakaf

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2023			
1.2 Mempelbagaikan kerjasama dengan pihak luar	1.2.1 Bilangan program kolaborasi dengan pihak luar	8	8	1- Menjalinkan kerjasama bersama pihak HongLeong MSIG Takaful untuk mewakafkan sebanyak 10% hibah selepas kematian kepada Skim Dana Wakaf Tunai. Perjanjian ini telah ditandatangani pada Februari 2023. 2-Mengadakan taklimat bersama PTG untuk penggunaan seksyen 415 Kanun Tanah Negara untuk kakitangan bahagian wakaf MAIK dalam memantapkan urusan pindahmilik tanah wakaf. 3-MAIK bersama YWM telah mengadakan Majlis Apresiasi Pewakaf di Negeri Kedah yang diakan pada 17 Mei 2023 bertempat di Jerai Hotel Alor Setar 4- Menjalankan kerjsama bersama Syarikat Takaful Ikhlas Family berhad untuk mewakafkan hibah takaful selepas kematian 5-Mengadakan Seminar Tabung Wakaf dan Perkhidmatan MAIK dengan kerjasama Pejabat Agama Daerah Kota Setar, Pejabat Agama Daerah Kubang Pasu, Pejabat Agama Daerah Sik dan Pejabat Agama Daerah Baling 6-Mengadakan program Roadshow Kesedaran Berwakaf melalui kaedah potongan gaji bersama Yayasan Wakaf Malaysia bersama kakitangan penjawat awam persekutuan yang melibatkan guru-guru dan pegawai-pegawai PBT. 7-Mengadakan Roadshow Kesedaran Berwakaf melalui kaedah potongan gaji bersama Jabatan Pendidikan Negeri Kedah kepada kakitangan penjawat awam persekutuan yang melibatkan guru-guru dan pegawai-pegawai PBT 8- Roadshow Kesedaran Berwakaf melalui potongan gaji bersama JAWHAR bersama	**Mencapai Sasaran**

				kakitangan penjawat awam persekutuan yang melibatkan guru-guru dan pegawai-pegawai PBT"	

ii. Strategik 2 – Merancang Projek Pembangunan Berpotensi Di Atas Tanah Wakaf

Hasil kajian merujuk jadual 3.9 mendapati kedua-dua indikator yang terdapat dalam strategik 1 ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi Tahun 2023.

Jadual 3.9 : Merancang Projek Pembangunan Berpotensi Di Atas Tanah Wakaf

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2023			
1.1 Merancang projek yang menjana ekonomi	1.1.1 Bilangan projek baharu-ekonomi	4	4	1. Projek tanaman Nenas dan Tebu Lokasi projek : Masjid Keda Sungai Udang, Yan Pelaksana projek : Jawatankuasa Masjid Keda Kos projek :Sumbangan daripada penyewa sebanyak RM500 dan bantuan benih nenas oleh Lembaga Nenas 10 ribu pokok Keluasan : nenas 2 relung, Tebu 1 relung (1.62640H) 2. Projek tanaman Sawit Lokasi projek : Lot 1083 dan Lot 1076 Mukim Naga Lilit Kariah Sg. Seluang, Pendang Pelaksana projek : Pihak Masjid Al-Muhtadin Kariah Sg. Seluang, Mukim Naga Lilit Kos projek : Istibdal 3. Projek tanaman sawit lokasi projek : GM 5731 Lot 9947 daerah Sik Pelaksana Projek : Masjid Kariah Merbau Kudung, Sik Kos projek : Jawatankuasa masjid keluasan : 0.7515H 4. Tanaman Jagung Lokasi Projek : Lot2256 Masjid Jamek Badlishah, Daerah yan Pelaksana Projek : Kaedah sewaan kepada individu sebanyak RM500 Keluasan : 0.5564H	**Mencapai Sasaran**

1.2 Merancang projek sosial yang memberi faedah kepada masyarakat	1.2.1 Bilangan projek baharu-sosial	5	5	1. Pembinaan Surau Addiniah Lokasi Projek : Kampung Bohor, Hutan Kampung Pelaksana Projek : Jawatankuasa Surau Addiniah Kos Projek : RM250,000.00 2. Pembelian Tanah untuk Tapak Perkuburan Lokasi Projek : Masjid Pinang Tunggal Daerah Kuala Muda Kos Projek : Istibdal wang pampasan RM183,678.60 3. Pembinaan Tangki Air Sekolah Agama Al-Maahad Dini Lokasi Projek : Sekolah Agama Al-Maahad Dini Mukim Bandar Alor Setar Daerah Kota Setar kos Projek : RM147,025.23 4. Pembinaan Masjid Baharu Kariah Batu 8 Lokasi Projek :Batu 8 Daerah Baling Pelaksana Projek : Jawatankuasa Masjid Kos Projek : RM1.3 Juta 5. Pembinaan Masjid Baharu Pekan Changlun Lokasi Projek : PT 2932 Bandar Changlun, Daerah Kubang Pasu Pelaksana Projek : ICU dan JKR Kos Projek : RM3.5 Juta"	**Mencapai Sasaran**

iii. Strategik 3 – Memantapkan Pengurusan Wakaf Tunai Sebagai Sumber Peruntukan

Hasil kajian merujuk jadual 3.10 mendapati satu indikator yang telah mencapai sasaran. Manakala satu lagi Indikator tidak mencapai sasaran atas beberapa faktor.

Jadual 3.10 : Memantapkan Pengurusan Wakaf Tunai Sebagai Sumber Peruntukan

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2023			
1.1 Mewujudkan skim dana kutipan wakaf tunai	1.1.1 Bilangan skim dana yang diluluskan	4	2	1. Pembinaan bangunan tambahan Sekolah Menengah Agama Rakyat Tarbiah Diniah, Kulim 2. Pembinaan Masjid Tunku Sarina Fasa 2, Jitra PENJELASAN TIDAK MENCAPAI SASARAN:	**Tidak Mencapai Sasaran**

				Kelulusan berdasarkan daripada permohonan yang diterima daripada pihak luar	
	1.2.1 Jumlah kutipan skim wakaf tunai (RM juta)	RM2.5 Juta	RM3,402,804.19	Kutipan dari januari hingga Disember 2023	**Cemerlang**

Carta pai menunjukkan peratus pencapaian bagi teras ketiga iaitu memperkasakan wakaf sebagai instrumen pembangunan ekonomi sosial umat islam di MAIK. Terdapat 5 indikator dalam teras ini. Rumusan daripada hasil kajian menjelaskan 1 indikator iaitu 20% mendapat cemerlang. Selain itu, 3 indikator iaitu 60% telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2023. Walau bagaimanapun 1 indikator iaitu 20% tidak mencapai sasaran.

Formula Pengiraan Carta Pai: [Tahap Pencapaian Indikator/ jumlah indikator] x 100%



Rajah 3.3 Carta Pai Bagi Teras 3 Iaitu Memperkasakan wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Ekonomi Sosial Umat Islam

4.4 Teras 4 – Memperkukuhkan Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Terkini

i. Strategik 1 – Membangunkan Sistem Dan Pangkalan Data Yang Berpusat

Hasil kajian merujuk 3.11 mendapati empat indikator yang terdapat dalam Teras 4 Strategik 3 ini mencapai sasaran dan Sembilan indikator tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi Tahun 2023. Ini kerana, terdapat banyak sistem yang telah siap dibina tetapi masih dalam percubaan.

Jadual 3.11 : Membangunkan Sistem Dan Pangkalan Data Yang Berpusat

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2023			
1.1 Membangunkan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (SPMB) secara dalaman	1.1.1 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Sewaan	100%	77%	Jumlah keseluruhan modul adalah sebanyak 9 modul. Bagi memastikan sistem ini dapat digunakan pada tahun 2024, pembangunan sistem ini dibahagikan kepada 2 fasa di mana fasa 1 mengandungi modul-modul utama untuk dibangunkan dan disiapkan pada tahun 2023. Manakala fasa 2 yang melibatkan modul-modul sampingan / tambahan akan disiapkan pada tahun 2024. Penumpuan diberikan kepada pembangunan modul-modul utama untuk digunapakai pada tahun 2024 iaitu modul jadual, premis, penyewa, perjanjian, sewaan, pelarasan, notis dan dashboard. Sistem Pengurusan Sewaan mula digunakan pada 03 Januari 2024 oleh Bahagian Pembangunan Hartanah dan masih diperingkat pengujian dan penambahbaikan	**Tidak Mencapai Sasaran**
	1.1.2 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Sumber Manusia	100%	77%	Jumlah keseluruhan modul adalah sebanyak 9 modul. Bagi memastikan sistem ini dapat digunakan pada tahun 2024, pembangunan sistem ini dibahagikan kepada 2 fasa di mana fasa 1 mengandungi modul-modul utama untuk dibangunkan dan disiapkan pada tahun 2023. Manakala fasa 2 yang melibatkan modul-modul sampingan / tambahan akan disiapkan pada tahun 2024. Penumpuan diberikan kepada pembangunan modul-modul utama untuk digunapakai pada tahun 2024 iaitu modul jadual, anggota, profil gaji, gaji	**Tidak Mencapai Sasaran**

				bulanan, tuntutan, perubahan gaji dan i-gaji & tuntutan. Sistem Pengurusan Sumber Manusia mula digunakan pada 03 Januari 2024 dan masih diperingkat pengujian dan penambahbaikan.	
	1.1.3 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Perakaunan dan Belanjawan	100%	57%	Jumlah keseluruhan modul adalah sebanyak 14 modul. Bagi memastikan sistem ini dapat digunakan pada tahun 2024, pembangunan sistem ini dibahagikan kepada 2 fasa di mana fasa 1 mengandungi modul-modul utama untuk dibangunkan dan disiapkan pada tahun 2023. Manakala fasa 2 yang melibatkan modul-modul sampingan / tambahan akan disiapkan pada tahun 2024. Penumpuan diberikan kepada pembangunan modul-modul utama untuk digunapakai pada tahun 2024 iaitu modul daftar, GST, belanjawan, hasil, akaun, eperolehan, tanggungan, baucar dan penerimaan. Sistem Perakaunan dan Belanjawan mula digunakan pada 03 Januari 2024 dan masih diperingkat pengujian dan penambahbaikan.	**Tidak Mencapai Sasaran**
1.1 Membangunkan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (SPMB) secara dalaman	1.1.4 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Aset	100%	91%	Jumlah keseluruhan modul adalah sebanyak 12 modul. Bagi memastikan sistem ini dapat digunakan pada tahun 2024, pembangunan sistem ini dibahagikan kepada 2 fasa di mana fasa 1 mengandungi modul-modul utama untuk dibangunkan dan disiapkan pada tahun 2023. Manakala fasa 2 yang melibatkan modul-modul sampingan / tambahan akan disiapkan pada tahun 2024. Penumpuan diberikan kepada pembangunan modul-modul utama untuk digunapakai pada tahun 2024 iaitu modul konfigurasi, penerimaan, pendaftaran, pengesahan, penempatan, pinjaman, pemeriksaan, susut nilai, pindahan, penyelenggaraan, pelupusan	**Tidak Mencapai Sasaran**

				dan hapuskira. Sistem Pengurusan Aset mula digunakan pada 08 Januari 2024 dan masih diperingkat pengujian dan penambahbaikan.	
	1.1.5 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Stor	100%	90%	Jumlah keseluruhan modul adalah sebanyak 10 modul. Bagi memastikan sistem ini dapat digunakan pada tahun 2024, pembangunan sistem ini dibahagikan kepada 2 fasa di mana fasa 1 mengandungi modul-modul utama untuk dibangunkan dan disiapkan pada tahun 2023. Manakala fasa 2 yang melibatkan modul-modul sampingan / tambahan akan disiapkan pada tahun 2024. Penumpuan diberikan kepada pembangunan modul-modul utama untuk digunapakai pada tahun 2024 iaitu modul konfigurasi, penerimaan, pendaftaran, pengeluaran, pemulangan, verifikasi, pelupusan, pelarasan, kehilangan/hapuskira dan bekalan/kawalan. Sistem Pengurusan Stor mula digunakan pada 08 Januari 2024 dan masih diperingkat pengujian dan penambahbaikan.	**Tidak Mencapai Sasaran**
	1.1.6 Peratus pematuhan pembangunan SPMB ke atas SAGA	50%	50%	Memfokuskan kepada 8 fungsi teknikal yang telah ditentukan oleh Jabatan Akauntan Negara. Daripada 8, 4 fungsi telah disediakan iaitu network diagram, SOP Backup & Restore, DRP Plan, Sistem Log Server.	**Tidak Mencapai Sasaran**
1.2 Membangunkan Portal bersepadu yang mapan	1.2.2 Peratus kemajuan sistem e-Wasiat	0%	0%	Belum dilaksanakan kerana Unit Hibah Dan Wasiat di MAIK belum ditubuhkan. Pembangunan sistem ini adalah merujuk kepada pengwujudan / pelaksanaan dasar di Bahagian Baitulmal	**Tidak Mencapai Sasaran**
	1.2.3 Peratus kemajuan sistem e-Hibah	0%	0%		**Tidak Mencapai Sasaran**

	1.2.4 Peratus kemajuan sistem e-Perjanjian	100%	100%	Sistem ini dibangunkan untuk merekod perjanjian yang masih aktif untuk tujuan pemantauan. Sistem ini telah siap dibangunkan.	**Mencapai Sasaran**
	1.2.8 Peratus pembangunan portal bersepadu	100%	100%	Portal bersepadu ini dibangunkan untuk menempatkan kesemua sistem yang dibangunkan di MAIK secara berpusat di dalam 1 portal. Portal ini turut mengandungi Halaman Utama, Pengguna dan Tempahan (Bilik Mesyuarat MAIK). Portal ini telah siap dibangunkan. Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) telah dijalankan pada 11 Oktober 2023. Portal ini telah go live pada 01 November 2023. Penambahbaikan akan dibuat mengikut keperluan semasa.	**Mencapai Sasaran**
1.3 Berkolaborasi dalam pembangunan sistem bersama pihak luar.	1.3.2 Peratus Kemajuan sistem bersama BTMK – Sistem Pengurusan Tanah	100%	83%	1) Sistem Maklumat Hartanah Wakaf yang baru sedang dibangunkan bermula 15 November 2023 dan siap April 2024 2) Sistem ini dibangunkan dengan kerjasama BTMK. Sistem ini telah siap dibangunkan dan masih dalam percubaan.	**Tidak Mencapai Sasaran**
1.5 Membangunkan aplikasi mudah alih dan dashboard	1.5.2 Peratus pembangunan dashboard MAIK	80%	66%	Daripada 6 dashboard, 4 dashboard telah siap dan baki lagi 2 dashboard belum siap kerana memberi tumpuan kepada pelaksanaan sistem. Dashboard yang sudah siap 4 :- -Sistem Pengurusan Sewaan, Sistem Maklumat Hartanah Baitulmal, Sistem Pengurusan Aset, Sistem Pengurusan Stor Dashboard yang belum siap 2 :- Sistem Pengurusan Perakaunan dan Belanjawan, Sistem Maklumat Hartanah Wakaf	**Tidak Mencapai Sasaran**

ii. Strategik 2 – Melestarikan Kelangsungan Operasi Ict

Jadual 3.12 mendapati satu indikator yang terdapat dalam Teras 4 Strategik 2 ini iaitu Penyediaan Bilik Pelayan (server) MAIK tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi Tahun 2021. Rumusan pencapaian seperti di Jadual 12.

Jadual 3.12 : Melestarikan Kelangsungan Operasi Ict

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2023			
2.1 Melaksanakan perisian / rangkaian / pelayan (server)	2.1.1 Peratus Penyediaan Bilik Pelayan (server) MAIK	100%	100%	Kerja-kerja penambahbaikan bilik server telah siap dijalankan. Kerja-kerja penambahbaikan ini dilaksanakan berdasarkan kepada Naziran Keselamatan ICT oleh BTMK serta pandangan dan nasihat daripada JKR dan BTMK.	**Mencapai Sasaran**

Carta menunjukkan peratus pencapaian bagi teras keempat iaitu memperkukuhkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi terkini di MAIK. Terdapat 13 indikator dalam teras ini. Terdapat 4 indikator yang telah mencapai sasaran dan 9 indikator lagi tidak mencapai. Di dalam teras ini kesemua sistem telah siap dibangunkan tetapi masih dalam tempoh percubaan.

Formula Pengiraan Carta Pai: [Tahap Pencapaian Indikator/ jumlah indikator] x 100%



Rajah 3.4 Carta Pai Bagi Teras 4 Iaitu Memperkukuhkan Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Terkini

4.5 Teras 5 – Memperkasakan Penguatkuasaan Undang-Undang Hal Ehwal Agama Islam Dan Membudayakan Penyelidikan Bagi Kesejahteraan Ummah

i. Strategik 1 – Memantapkan Enakmen, Peraturan Dan Kaedah-Kaedah Secara Konsisten.

Jadual 3.13 mendapati ketiga-tiga indikator yang terdapat dalam Teras 5 Strategik 1 ini iaitu Peratus Pindaan Seksyen- Struktur pengurusan Pentadbiran, Peratus Pindaan Seksyen- Wakaf dan Peratus Pengubalan Peraturan Wakaf tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi Tahun 2023.

Jadual 3.13 : Memantapkan Enakmen, Peraturan Dan Kaedah-Kaedah Secara Konsisten.

Inisiatif	Indikator	Sasaran 2023	Pencapaian 2023	Penjelasan	Tahap Pencapaian
1.1 Menambah baik enakmen bagi memenuhi kehendak semasa baik	1.1.1 Peratus pindaan seksyen - Struktur pengurusan pentadbiran	100%	8%	Pindaan ini memerlukan kelulusan dasar daripada Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Kedah. YDP MAIK memohon agar kajian dibuat dengan lebih terperinci bagi pindaan ini. Simpanan dalam perhatian (KIV).	**Tidak Mencapai Sasaran**
	1.1.2 Peratus pindaan seksyen – Wakaf	100%	15%	Peratus lengkap draf pindaan dari segi pentadbiran adalah sebanyak 90%. Draf pindaan ini akan dimurnikan pada 1 Januari 2024 dengan kerjasama Bahagian Wakaf dan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah.	**Tidak Mencapai Sasaran**
1.2 Menambah baik peraturan/kaedah-kaedah bagi memenuhi kehendak semasa	1.2.1 Peratus penggubalan Peraturan Wakaf	100%	18%	Peratus lengkap draf penggubalan dari segi pentadbiran adalah sebanyak 90%. Draf penggubalan ini akan dimurnikan pada 1 Januari 2024 dengan kerjasama Bahagian Wakaf dan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah.	**Tidak Mencapai Sasaran**

ii. Strategik 2 – Membudayakan Penyelidikan yang Berkualiti Dan Berinovasi

Jadual 3.14 mendapati 2 indikator yang terdapat dalam Teras 5 Strategik 2 ini iaitu Bilangan Penyelidikan, Bilangan kolaborasi dan Bilangan Inovasi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi Tahun 2023.

Jadual 3.14 : Membudayakan Penyelidikan yang Berkualiti Dan Berinovasi.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Penjelasan	Tahap Pencapaian
		2023			
1.1 Melaksanakan Penyelidikan	1.1.1 Bilangan Penyelidikan	3	2	Kajian dalam bidang ekonomi 1) Kajian pembangunan tanah wakaf am milik MAIK yang berpotensi untuk dibangunkan 2) Kajian kenaikan caj wakaf khas bagi sewa tapak dan tapak menara telekomunikasi di atas tanah milik Majlis Agama Islam Kedah (MAIK)	**Tidak Mencapai Sasaran**
1.2 Berkolaborasi dengan pihak luar	1.2.1 Bilangan Kolaborasi	2	1	1) Universiti Teknologi Mara Negeri Sembilan (Rembau) - Ujian Personaliti RAHMAH akan membantu ahli institusi wakaf untuk mengenalpasti sejauh mana konsep RAHMAH yang diamalkan oleh mereka.	**Tidak Mencapai Sasaran**
1.3 Melaksanakan Inovasi	1.3.1 Bilangan Inovasi	2	0		**Tidak Mencapai Sasaran**

Carta pai menunjukkan peratus pencapaian bagi teras kelima iaitu memperkasakan penguatkuasaan undang-undang hal ehwal agama islam dan membudayakan penyelidikan bagi kesejahteraan ummah di MAIK. Terdapat 6 indikator dalam teras ini. Rumusan daripada hasil kajian menjelaskan bahawa kesemua indicator di dalam teras ini tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2023.

Formula Pengiraan Carta Pai: [Tahap Pencapaian Indikator/ jumlah indikator] x 100%



Rajah 3.5 Carta Pai Bagi Teras 5 Iaitu Memperkasakan Penguatkuasaan Undang-Undang Hal Ehwal Agama Islam Dan Membudayakan Penyelidikan Bagi Kesejahteraan Ummah